

Eratkan hubungan

Oleh **ABDUL RAZAK DIN**

MELIHAT dengan lebih dekat kehidupan masyarakat Felda merupakan antara detik manis yang dilalui peserta 'Program Jelajah Felda, Kembara Siswa 2012' anjuran Kursus Bakti Siswa Kumpulan 6, 13, dan 48 Universiti Putra Malaysia (UPM).

Di samping itu, program ini juga mampu mengeratkan hubungan antara warga Felda Lasah dengan mahasiswa dan mahasiswi UPM bagi meningkatkan kemahiran insaniah dan kemahiran berorganisasi dalam kalangan pelajar institusi pengajian tinggi (IPT) supaya lebih kompetitif.

Dalam pada itu, apa yang penting lagi program ini dapat memupuk pemikiran yang kritis dan kreatif di kalangan pelajar dalam menyampaikan maksud Malaysia daripada perspektif berbeza khususnya dalam kalangan warga peneroka.



PROGRAM Jelajah Felda, Kembara Siswa UPM 2012 mengeratkan hubungan antara mahasiswa dan masyarakat Felda Lasah, bergambar bersama-sama ADUN Lintang, Datuk Ahamad Pakeh Adam dan Pengurus Felda Lasah, Abdul Rahani Bahari.

Mat Jusoff.

Katanya, banyak kebaikan diperoleh melalui program ini termasuk memberikan khidmat bakti kepada peneroka, generasi kedua dan anak-anak peneroka.

Antara program yang dijalankan selama tiga hari itu ialah pembelajaran bahasa Inggeris, kejohanan futsal, senamrobik, mini ekspo, pameran UPM dan program 'perang terasah, bakat terserlah'.

Selain itu, turut diadakan program 'Jom Transformasi Felda, Semangat Kami Untuk Anda' iaitu dengan mengadakan gotong-royong di Pusat Tahfiz, Taman Idaman serta Taman Mini.

Majlis penutup program ini disempurnakan Ahli Dewan Undangan Negeri Kawasan Lintang, Datuk Ahamad Pakeh Adam. Turut hadir, Pengurus Felda Lasah, Abdul Rahani Bahari dan Ketua Kampung Felda Lasah, Ahmad Husin.

Apa yang menarik adalah program *Fear No*

English di mana pelajar-pelajar UPM menjadi tenaga pengajar dalam pembelajaran bahasa Inggeris kepada anak-anak Felda.

Pengarah Jawatankuasa Program Jelajah Felda Kembara Ssiswa UPM, Ahmad Sidqi Abdullah amat terharu melihat kesungguhan dan sambutan yang diberikan oleh masyarakat Felda Lasah dalam menjayakan program ini.

"Kita mengucapkan terima kasih kepada warga Felda Lasah yang sentiasa bekerjasama dalam membantu menjayakan program ini," katanya.

Sementara itu, beberapa generasi baharu Felda Lasah menganggap 'Program Jelajah Felda, Kembara Siswa 2012' anjuran Kursus Bakti Siswa Kumpulan 6, 13, dan 48 UPM ini menemui kejayaan membanggakan.

Menurut mereka banyak kejayaan dan maklumat baharu diperoleh hasil daripada tunjuk ajar siswa siswi UPM berkenaan.

"Saya begitu tertarik dengan program *Fear No English* kerana membantu kami menguasai bahasa antarabangsa itu dengan cepat.

"Selain itu, ia turut membantu kami dalam mata pelajaran lain kerana kami turut dibantu cara-cara pembelajaran yang berkesan," kata Nur Ain Umaira Dawama, 17.

Pelajar Sekolah Menengah Felda Lasah, Izal Afiq Zainudin berkata, beliau kagum dengan cara pembelajaran yang diberikan oleh siswa dan siswa UPM tersebut.

Katanya, walaupun masa yang diperuntukkan bagi sesuatu program begitu singkat tetapi ia mampu meningkatkan kefahaman.

Semntara itu, Nur Athikah Dawama, 12 dari Sekolah Kebangsaan Felda Lasah berkata, banyak pengetahuan baru diperolehi dari program ini disamping dapat berinteraksi dengan siswa dan siswi di universiti.

"Peluang ini jarang diperolehi dan ini mendorong saya dan kawan-kawan untuk berusaha dengan lebih gigih lagi dalam bidang pelajaran," katanya.

memberi peluang dan kepada mahasiswa supaya dengan warga Felda yang belakng serta cara hidup

Program Jelajah Felda, Kembara Siswa 2012 UPM ini dihadiri seramai 86 peserta termasuk tujuh pelajar Cina dan lima pelajar India di Felda Lasah mulai 12 hingga 14 Disember lalu. Ia adalah anjuran bersama Pusat Inovasi Keusahawanan dan Pembangunan UPM dengan Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Rancangan (JKKR) Felda Lasah.

"Program ini memberi peluang dan pengalaman kepada mahasiswa supaya berinteraksi dengan warga Felda yang berbeza latar belakang serta cara hidup.

"Apa yang penting, ia dapat mengeratkan hubungan antara warga Felda dengan mahasiswa dan mahasiswi UPM," kata Fasilitator Kumpulan 48 dari UPM, Muhammad Saizam



PARA pelajar di Felda Lasah dapat berkongsi pengalaman dengan pelajar UPM dan mampu meningkatkan kecemerlangan mereka dalam akademik.



Program ini memberi peluang dan pengalaman kepada mahasiswa supaya berinteraksi dengan warga FELDA yang berbeza latar belakang serta cara hidup